

Penggunaan Rutin Berfikir Nyatakan-Sokong-Soal dalam Pengajaran Kefahaman Subjektif

Melati Hallel

melati_hallel@moe.edu.sg

Noor Aisya Buang


noor_aisya_buang@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Si Ling

Abstrak

Murid-murid didapati masih mempunyai kelemahan dalam pemahaman petikan, tidak tahu mengenalpasti idea utama, dan tidak dapat menjawab soalan-soalan yang kefahaman. Akibatnya murid tidak menggemari pelajaran kefahaman dan menjejaskan pencapaian mereka dalam komponen kefahaman. Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam menguasai pelajaran kefahaman. Rutin berfikir Nyatakan-Sokong-Soal sebagai satu langkah intervensi telah diperkenalkan kepada murid-murid dalam usaha mempertingkatkan penguasaan kemahiran mereka. Kajian ini melibatkan 40 orang Darjah 5 dan murid Darjah 6 sebagai satu kajian rintis. Dapatan kajian ini menunjukkan kesan yang positif terhadap pencapaian murid-murid.

Kata Kunci: rutin berfikir, kemahiran kefahaman, idea utama, langkah intervensi, kesan positif



PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada enam kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa. Ia merupakan kemahiran asas yang harus dimiliki oleh murid kerana membaca merupakan pintu kepada segala ilmu pengetahuan. Kebolehan memahami bahan yang dibaca akan membantu murid memberikan respons yang wajar semasa menjawab soalan-soalan kefahaman. Sekiranya murid-murid tidak memahami apa yang dibaca, murid belum lagi memiliki pemahaman membaca yang baik. Murid perlu tahu makna perkataan-perkataan yang terdapat dalam teks bagi memahami kandungan yang dibaca. Kelemahan memahami isi teks yang dibaca ini akan menjejaskan jawapan-jawapan kefahaman murid, sekali gus menyebabkan murid mendapat markah yang kurang memuaskan bagi komponen kefahaman.


Kajian ini dijalankan bagi membantu murid-murid meningkatkan kelakonan dalam komponen kefahaman sekaligus menyedarkan murid-murid tentang kepentingan memiliki penguasaan dan pengetahuan kosakata yang luas.

PERNYATAAN MASALAH

Kefahaman subjektif merupakan salah satu komponen yang kurang digemari oleh murid-murid. Ketika melakukan tinjauan persepsi tentang kefahaman subjektif, terdapat beberapa sebab mengapa murid-murid kurang menggemari komponen ini. Antaranya adalah murid-murid mengalami kesukaran memahami kandungan teks dengan baik. Mereka kurang berjaya mengenalpasti idea-idea utama yang hendak disampaikan kerana penguasaan dan pemahaman kosa kata yang terhad, tidak memahami kehendak soalan yang dikatakan seringkali agak panjang soalnya dan tidak mahir mencari perkataan bagi menggantikan frasa mahupun mengenalpasti makna-makna perkataan.

Secara keseluruhan, boleh dikatakan bahawa murid-murid tidak menggemari komponen kefahaman subjektif kerana lemah penguasaan kosa kata yang menjejaskan mutu jawapan murid-murid.

Keadaan sedemikian tidak boleh berlarutan memandangkan peruntukan markah bagi komponen kefahaman subjektif amat tinggi iaitu sebanyak hampir 25% bagi keseluruhan Kertas 2 ataupun sebanyak 55% bagi Bahagian B.



Bagi membantu murid mengatasi kelemahan dalam komponen ini, rutin berfikir Nyatakan-Sokong-Soal (NSS) yang disarankan dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) diterapkan dalam PdP kefahaman. Rutin berfikir ini dapat membina kemahiran berfikir murid-murid dan berupaya meningkatkan pemahaman murid dalam pembelajaran bahasa Melayu serta memberi peluang kepada murid-murid menilai jawapan dengan lebih mendalam lagi.

TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti kelemahan dan membina kemampuan murid untuk menjawab soalan-soalan berkaitan frasa;
2. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir NSS dalam membina kemahiran murid menginterpretasi makna frasa; dan
3. menggalakkan murid mengaplikasikan kemahiran berfikir secara kritis dalam memahami makna frasa.

KAJIAN LEPAS

MTV yang dipelopori oleh Ron Ritchhart dan David Perkins (2005), menekankan tiga amalan teras iaitu: rutin berfikir, dokumentasi pemikiran murid, dan amalan profesional yang reflektif. Kaedah yang digunakan membolehkan guru melihat cara pemikiran murid dengan lebih jelas. Rutin berfikir MTV yang digunakan dalam pengajaran dapat memandu proses pemikiran murid-murid. Murid-murid dapat mempelajari sesuatu maklumat, memproses maklumat dalam minda dan kemudiannya melahirkan dan melihat dengan jelas dan nyata ketika murid-murid melakukan proses dokumentasi. Terdapat berbagai-bagai cara bagi murid-murid mendokumentasikan pemikiran mereka secara visual. Sebagai contoh, murid boleh menggunakan peta minda atau rangsangan grafik lainnya.

Kajian yang terdapat dalam *Project Zero* (2005) menunjukkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam PdP. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mendapati bahawa murid-murid berupaya melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Rutin berfikir juga menggalakkan pemikiran yang lebih kritis, kreatif, logikal dan reflektif. Murid-murid dapat menjana maklumat dan memprosesnya dalam minda dan kemudiannya hasilnya dapat dilahirkan dan dilihat dengan jelas



dan nyata.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan rutin berfikir yang diutarakan oleh Ritchhart R., Church M. dan Morrison K (2011). Rutin berfikir disusun kepada tiga kelompok, iaitu rutin untuk mengenalkan dan meneroka idea, rutin untuk mensintesis dan menyusun idea dan rutin untuk mengupas idea lebih mendalam. Rutin NSS telah digunakan sebagai instrumen kajian ini. Selain itu, kaedah pembelajaran kooperatif juga diaplikasikan agar memberi peluang kepada murid menerangkan jawapan yang dipilih dengan berasaskan pemikiran kritikal. Dengan adanya templat rutin berfikir yang disediakan, murid-murid dapat melahirkan pemikiran mereka dengan lebih jelas dan nyata.


Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 14 orang murid Darjah 6 Bahasa Melayu yang berada dalam aras keupayaan yang rendah dan 19 orang murid Darjah 4 Bahasa Melayu yang berada pada tahap aras keupayaan pertengahan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 33 orang. Pemilihan subjek kajian bagi kedua-dua peringkat ini dilakukan bagi memberi pendedahan kepada pendekatan rutin berfikir, khususnya NSS agar murid-murid lebih memahami cara-cara untuk mengenal pasti jawapan yang tepat serta membolehkan mereka berfikir secara kritis terhadap jawapan yang dipilih.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan ialah rutin berfikir NSS. Murid-murid diberikan templat bagi tujuan membimbing murid-murid mendokumentasikan hasil pemikiran mereka secara visual. Guru kemudiannya dapat menilai keberkesanan rutin berfikir yang digunakan. Keupayaan murid dinilai dari segi cara murid mengenal pasti bukti dalam membinajawapan dan juga kemahiran penaakulan. Guru juga memberi perhatian padasikap dan pemahaman murid ketika menggunakan rutin berfikir.

Dapatan dari pemerhatian juga diambil kira dalam kajian ini. Ketika menjalankan aktiviti, murid-murid berpeluang untuk melakukan aktiviti berkumpulan melalui pembelajaran kooperatif. Murid-murid berpeluang untuk



mengaplikasikan pemikiran kritikal ketika menerangkan pemilihan jawapan mereka semasa perbincangan dilakukan bersama kumpulan masing-masing.

Prosedur Kajian


Satu sesi praujian telah dijalankan di mana murid-murid diberikan kertas latihan yang mengandungi sepuluh soalan menggantikan frasa. Guru memperkenalkan instrumen kajian yang akan digunakan iaitu rutin berfikir NSS. Sebanyak lima sesi dijalankan dalam kajian ini semasa waktu pelajaran kefahaman yang dijadualkan setiap minggu. Setiap masa pengajaran adalah tiga masa dalam jadual waktu kurikulum atau satu jam tiga puluh minit bagi murid-murid Darjah 6 dan dua masa atau satu jam bagi murid-murid Darjah 5.

Bagi pelajaran yang pertama, guru menerangkan secara tuntas tentang rutin berfikir NSS dan cara alat digunakan dalam PdP tersebut diharap dapat membantu meningkatkan pemahaman murid-murid berkaitan teks yang dibaca. Murid-murid diberikan templat bagi mendokumentasikan hasil pemikiran mereka. Murid-murid dibimbing cara-cara menggunakan templat tersebut.

Bagi pelajaran kedua hingga keempat, guru menggunakan rutin berfikir NSS. Rutin ini menggalakkan murid-murid memikirkan pelbagai sudut pandangan yang terdapat dalam petikan. Dengan cara ini, murid akan dapat memahami perspektif baharu tentang petikan yang telah dibaca. Selain itu, murid juga perlu mengenal pasti pembayang berdasarkan konteks dan menerangkan sebab pemilihan jawapan tersebut dengan menggunakan rutin berfikir NSS. Guru menggalakkan murid-murid untuk memberikan sebab-sebab bagi menyokong jawapan mereka. Bagi pelajaran kelima dan terakhir, guru menggunakan satu masa pelajaran untuk menerangkan petikan yang diberikan. Setelah itu, murid-murid menyelesaikan soalan-soalan menggantikan frasa secara sendiri sebagai aktiviti pascaujian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, murid-murid dapat menjawab soalan-soalan yang diajukan ketika diberikan kertas pascaujian. Secara kasar, markah keseluruhan bagi kertas pascaujian melonjak, namun jika diteliti secara individu, tidak ramai yang mendapat kenaikan markah yang signifikan.



Berdasarkan analisis markah ujian dalam Jadual 1, terdapat peningkatan sebanyak 11.3% jumlah markah bagi kumpulan murid-murid Darjah 5, iaitu dari 25% ke 36.3% dengan markah purata yang diperolehi oleh kumpulan ini ialah 3 markah. Murid dengan nombor daftar 9 menunjukkan peningkatan sebanyak 2 markah, iaitu dari 5 markah ke 7 markah. Murid dengan nombor daftar 14 pula menunjukkan peningkatan markah yang agak baik iaitu dari 1 markah ke 5 markah, peningkatan sebanyak 4 markah.

Jadual 1: Markah Murid Darjah 5 bagi Praujian dan Pascaujian


Nombor Daftar Murid Darjah 5	Menggantikan Frasa	
	Markah Praujian (10 markah)	Markah Pascaujian (10 markah)
1	3 (30%)	5 (50%)
2	4 (40%)	4 (40%)
3	2 (20%)	2 (20%)
4	3 (30%)	2 (20%)
5	1 (10%)	2 (20%)
6	1 (10%)	3 (30%)
7	0 (0%)	1 (10%)
8	4 (40%)	4 (40%)
9	5 (50%)	7 (70%)
10	4 (40%)	4 (40%)
11	3 (30%)	5 (50%)
12	3 (30%)	4 (40%)
13	3 (30%)	5 (50%)
14	1 (10%)	5 (50%)
15	1 (10%)	3 (30%)
16	2 (20%)	3 (30%)
17	3 (30%)	3 (30%)
18	0 (0%)	2 (20%)
19	5 (50%)	5 (50%)
Jumlah	48	69
Peratusan / Min	25% / 2.52	36.3% / 3.63



Jadual 2 pula menunjukkan pencapaian yang sama bagi kumpulan murid Darjah 6. Terdapat peningkatan sebanyak 11.4%. Dengan markah purata yang diperolehi oleh kumpulan ini sebanyak 4 markah. Secara keseluruhannya, pencapaian murid-murid dalam kedua kumpulan ini menunjukkan peningkatan yang baik, namun agak perlahan. Walaupun murid-murid seakan-akan bertatih, peningkatan yang ditunjukkan walau sedikit, merupakan sesuatu yang positif. Dengan latihan yang lebih kerap dan intensif, pencapaian mereka boleh diperbaiki.

Jadual 2: Markah Murid Darjah 6 bagi Praujian dan Pascaujian

Nombor Daftar Murid Darjah 6	Menggantikan Frasa	
	Markah Praujian (10 markah)	Markah Pascaujian (10 markah)
1	4 (40%)	5 (50%)
2	1 (10%)	3 (30%)
3	1 (10%)	2 (20%)
4	2 (20%)	2 (20%)
5	2 (20%)	5 (50%)
6	3 (30%)	4 (40%)
7	6 (60%)	7 (70%)
8	3 (30%)	3 (30%)
9	4 (40%)	6 (60%)
10	3 (30%)	3 (30%)
11	1 (10%)	4 (40%)
12	5 (50%)	7 (70%)
13	5 (50%)	5 (50%)
14	3 (30%)	3 (30%)
Jumlah	43	59
Peratusan	30.7%	42.1%
Min	3.07	4.21



KESIMPULAN

Guru perlu memainkan peranan yang lebih aktif sebagai fasilitator terutama ketika murid-murid menjalankan aktiviti perbincangan memandangkan murid-murid perlu menerangkan sebab sesuatu jawapan itu dipilih dan dari mana sesuatu pembayang itu dapat dikenal pasti dari teks. Guru juga perlu merancah pembelajaran murid agar mereka dapat mendokumentasikan hasil pemikiran dengan jelas lagi tersusun. Guru boleh mengetengahkan soalan-soalan yang dapat mendorong murid untuk berfikir dengan lebih kritis.

Secara keseluruhan, kajian ini telah membuktikan keberkesanan penggunaan rutin berfikir NSS kerana hampir 90% murid menunjukkan peningkatan markah yang positif. Namun masih ramai murid yang belum mencapai tahap kelulusan 5 markah atau lebih. Banyak lagi yang boleh dilakukan bagi memperhalus aktiviti yang dijalankan seperti teknik penyoalan guru agar lebih merangsang murid memberi jawapan tepat berdasarkan pemikiran yang jelas dan tersusun.

RUJUKAN

Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2003). *Belajar berfikir*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Pahang.

Edward de Bono (2000). *Pemikiran selari – Daripada pemikiran Socrates kepada Pemikiran de Bono*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.

Ritchart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Instructional_services__action_research/7_visible_thinking_routines_20090610_152119_84.pdf <http://www.oaisd.org/>

Cultures of Thinking Project at Bialik College a Pre-k to 12 school in Melbourne, Australia which began in 2005 with Ron Ritchard and Howard Gardner being Co-Principal Investigators.<http://www.pz.harvard.edu>

